

## **PENGGUNAAN VOKAL ALIF PADA SUKU KATA TERTUTUP DALAM SISTEM TULISAN JAWI<sup>1</sup>**

Ab. Halim Mohamad

### **ABSTRAK**

Penggunaan vokal *alif* pada suku kata tertutup (KVK) dalam sistem tulisan Jawi agak bercelaru dan tidak mempunyai peraturan yang tetap. Upamanya pada ejaan كنديس [kan.dis] dan كمبي [kam.bi] vokal *alif* digugurkan, manakala pada ejaan كاندوغ [kan.dung] dan سامبر [sam.bar] vokal *alif* dimasukkan pada suku kata tertutup pertama dalam perkataan tersebut. Hal yang sebegini menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam kalangan pengguna tulisan Jawi. Kajian ini cuba menganalisis dan menghurai permasalahan penggunaan vokal *alif* ini pada suku kata tertutup berdasarkan kaedah fonetik. Ia juga bertujuan untuk melihat masalah penggunaan vokal *alif* ini dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian ini menggabungkan kaedah teoritikal dan kuantitatif. Dalam kajian teoritikal, pengkaji menerapkan teori fonetik dan fonologi untuk menghurai dan membentuk teori penulisan Jawi yang lebih tersusun. Responden kajian ini terdiri daripada 26 orang pelajar Bachelo Usuluddin dan Falsafah UKM dan 25 orang pelajar Bachelo Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia. Kajian mendapati bahawa pelajar UKM dan UPM bermasalah menggunakan vokal alif dalam sistem tulisan Jawi yang ada sekarang. Kajian ini mencadangkan supaya sistem tulisan Jawi perlu dipinda berdasarkan kaedah fonetik dan fonologi bagi memudah proses pembelajaran dan pengajaran Jawi di Malaysia.

**Kata kunci:** vokal, ejaan Jawi, suku kata, fonetik

### **THE USE OF VOWEL ALIF IN A CLOSED SYLLABLE IN JAWI WRITING SYSTEM**

#### **ABSTRACT**

*The use of vowel alif in Jawi writing system is quite disordered and have no fixed rule. for example, in spelling of كنديس [kan.dis] and كمبي [kam.bi] we found that vocal alif is removed from these syllables, while in other sayllables such as كاندوغ [kan.dung] dan سامبر [sam.bar] we*

---

<sup>1</sup> Artikel ini sebahagian daripada hasil penyelidikan FRGS fasa 1/2016 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT) (FRGS/1/2016/SS09/UPM/02/1)

*found that vowel alif is placed. This condition causes confusion among the users of Jawi. This study attempts to analyze and describe the use problems of vowel alif in the closed syllable based on phonetic method. It also aims to look at the problem of vowel alif among the students of Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Putra Malaysia. The respondents of this study consisted of 26 students of the fundamentals of religion and philosophy, UKM and 25 students of Bachelor of Arabic Language, Universiti Putra Malaysia. The study found that UKM and UPM students have some problems in using of vowel alif in Jawi writing system which is currently used in Malaysia. This study suggested that the Jawi system needs to be changed according to the phonetic and phonological theory to facilitate the process of learning and teaching Jawi in Malaysia.*

**Key words:** *vocal, Jawi spelling, syllable, phonetic*

## **PENGENALAN**

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam. Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Ikuran daripada itu lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005.

Dalam konteks pengajaran ejaan Jawi, terdapat arahan khas daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang mahukan kaedah Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) ini diajar di sekolah-sekolah. Arahan ini jelas melalui surat rasmi yang telah dikeluarkan oleh Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia yang berbunyi "Mulai dari tarikh ini Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (PEJYD) itu hendaklah digunakan di semua

sekolah rendah, sekolah menengah, maktab-maktab perguruan, di dalam buku teks dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia serta dalam semua sektor dan masyarakat di seluruh Negara” (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992).

Selepas beberapa tahun pelaksanaan kaedah tulisan PEJYB, ia ditukar pula dengan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) berdasarkan Buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008) telah diterbitkan dengan mengetengahkan beberapa kategori kaedah utama ejaan Jawi iaitu ejaan lazim, ejaan tradisi, ejaan mengikut hukum, ejaan lampau hukum dan ejaan pinjaman serta serapan. Kaedah pelengkap ejaan juga diketengahkan dalam kamus ini seperti ejaan gelinciran, penggunaan huruf hamzah dan ejaan imbuhan.

Kaedah PUEJBM yang diguna sekarang diedaptasikan daripada kaedah Za’ba (1931) selepas berlaku banyak perubahan. Ini sesuai dengan apa yang disuarakan oleh Za’aba bahawa “Kaedah ejaan Jawi ini belumlah pernah diaturkan orang betul-betul dari dahulu, melainkan masing-masing ikut sedap sendiri sahaja meniru-niru apa yang dibiasakan orang, tetapi tiada syak bahawa dalam kebiasaan orang itu ada beberapa kaedah tetap yang boleh dibuatkan undang-undangnya” (Za’ba, 2009: xxxii).

Mohd Hussein (2002) menyatakan bahawa kaedah ejaan Jawi Za’ba banyak kesamaran pada sebutan dan memerlukan penambahan huruf vokal (alif, waw dan ya’) pada sesetengah perkataan bagi menghilangkan kesamaran tersebut. Ismail dan Mashur penyunting buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) cetakan 2004 menjelaskan bahawa kaedah Za’ba telah diubah mengikut kaedah fonologi dan bentuk perkataan bahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, perkataan Melayu asli. Kedua, Perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab. Ketiga, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai kaedah ejaan yang berbeza. Perbezaan yang jelas ialah dalam mengeja perkataan pinjaman Arab yang secara umumnya dengan mengekalkan gambaran asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab.

Walaupun usaha kerajaan untuk memertabatkan tulisan Jawi telah dilakukan melalui seminar, persidangan, konvensyen, bengkel, klinik Jawi, pertandingan, carnival dan lain-lain lagi, tetapi masyarakat

Malaysia masih lagi menyambut dingin terhadap tulisan Jawi. Nik Rozila dalam kajiannya menyatakan bahawa Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji (2007:161). Faizal mendapati segelintir pelajar mahasiswa pengajian Islam UKM kurang meminati tulisan Jawi Walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun (2009: 155). Ia bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan minat para pelajar atau sistem pendidikan yang tidak memberi kredit kepada tulisan Jawi. Ia mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat. Hal seperti inilah yang menuntut supaya kajian berkaiatan sistem tulisan Jawi terus dilakukan bagi memertabatkannya demi servival masa depan.

### **PERMASAALAHAN KAJIAN**

Banyak kaedah ejaan dalam penulisan Jawi masih belum selesai dan mengelirukan pengguna dan pengamalnya. Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah penulisan Jawi dilihat tidak begitu tersusun dan tidak tekal. Perubahan yang dilakukan dalam sistem PUEJBM tidak berasaskan hujah yang jelas sehingga banyak mendatangkan masalah dan kecelaruan. Kecelaruan berlaku pada penggunaan alif pada suku kata pendek tertutup dan terbuka di akhir perkataan. Kekeliruan juga berlaku antara penggunaan qaf (ق) dan kaf (ك), antara zai (ز) dan zal (ذ), antara sin (س) dan sad (ص), antara (ح) dan (هـ) dan lain kaedah lagi. Selain daripada itu berlaku juga kekeliruan ejaan perkataan pinjaman Arab, dimana ada perkataan pinjaman yang diubah ejaannya dan ada yang tidak diubah. Ini semua merupakan masalah dalam tulisan Jawi yang memerlukan kepada satu kaedah yang konsisten yang berpandukan kepada teori fonetik yang betul dan boleh diterima.

Kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) yang digunapakai sekarang ini tidak tentang penggunaan vokal alif (ا) yang disamakan dengan vokal “a” digunakan pada suku kata tertutup yang dilihat sentiasa berubah dari satu suku kata kepada suku kata lain. kewujudan percanggahan dan kecelaruan penggunaannya dalam suku kata pendek tertutup (KVK) dapat dilihat dengan jelas, upamanya dalam ejaan كنديس [kan.dis], كاندوغ [kan.dung], كمبي [kam.bi], لندا [lan.da], سامير [sam,bar], امام [i.mam] dan احوال [ah.wal].

Dalam konteks suku kata, sesuatu suku kata boleh dibentuk oleh satu vokal (V) sahaja atau satu vokal disertai satu konsonan (VK) atau

beberapa konsonan. Konsonan demikian boleh hadir sama ada di hadapan vokal atau di belakangnya atau di hadapan vokal dan di belakangnya secara serentak (Nik Safiah dan lain-lain, 2015: 50). Setiap suku kata bahasa Melayu boleh terdiri daripada satu huruf vokal secara tersendiri (Daftar Kata Bahasa Melayu, 2016: 8). Dalam bahasa Arab, sesuatu suku kata itu mesti terdiri daripada konsonan (*somit*) dan vokal (*harakah*) (Manaf Mahdi, 1998: 120).

Kaedah PUEJBM membolehkan penggunaan vokal *alif* bagi suku kata terbuka seperti ساءا، فالا، باراء، داداء adalah kerana suku kata akhir itu bermula dengan Dal, Ra, Lam, Wau dan Nga yang dipanggil dengan kaedah Dal Ra Lam Wau Nga. Bagaimanapun, sekiranya bentuk akhir KVKV itu ialah “*rama, drama, panorama...*”, maka *alif* digunakan pada suku kata akhir dan ditulis راما، دراما، فانوراما (Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, 2016: 98-99). Hal ini mengelirukan pelajar kerana perkataan lima ditulis ليم tanpa vokal alif sedangkan suku kata kedua juga bermula dengan [m].

Apabila suku kata tidak dimulai dengan Dal Ra Lam Wau Nga, huruf alif digunakan untuk melambangkan vokal [a] disuku kata terbuka akhir seperti مات، باج، راس، ساي، (Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi, 2016: 98-99). Dalam hal ini juga berlaku kekeliruan kerana perkataan بوايا، روسا، بوايا dimasukkan vokal alif selepas ya' dan sin.

Ketidakteragaman kaedah tersebut menyebabkan ramai pengguna banyak melakukan kesalahan ejaan dan bacaan walaupun mereka mempunyai latarbelakang bahasa Arab. Masalah dalam tulisan Jawi bukan sahaja berlaku pada ejaan perkataan bahasa Melayu tulen, malah ia juga berlaku pada perkataan Arab yang diserapkan ke dalam bahasa Melayu. Kaedah penulisan berubah dan tidak sepenuhnya mengikuti sistem ejaan bahasa Arab.

#### **PERSOALAN KAJIAN**

- 1) Adakah terdapat keseragaman penggunaan alif (ا) pada suku kata tertutup (KVK) dalam ejaan Jawi mengikut kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM)?
- 2) Adakah pelajar yang berlatarbelakang agama dan bahasa Arab dapat membezakan penggunaan alif yang betul dalam suku kata tertutup seperti yang dikehendaki oleh kaedah PUEJBM)?

**70 | *Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi***

- 3) Bagaimanakah kaedah yang sesuai yang patut digunakan untuk menyelesaikan masalah penggunaan alif pada suku akhir perkataan dalam sistem tulisan Jawi?

**OBJEKTIF KAJIAN**

- 1) Meneliti penggunaan alif pada suku tertutup dalam sistem tulisan jawi mengikut Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 2) Mengenal pasti tahap kecekapan penggunaan dalam kalangan pelajar yang mempunyai latarbelakang agama dan bahasa Arab terhadap penggunaan alif dalam suku kata tertutup (KVK) berdasarkan PUEJBM.
- 3) Mengemukakan kaedah yang sesuai yang boleh menyelesaikan kekeliruan penggunaan alif pada suku kata tertutup (KVK) dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan pendekatan fonetik.

**KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 51 orang responden yang terdiri daripada 26 orang pelajar Bacelor Usuluddin dan Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan 25 orang pelajar Bacelor Bahasa Arab daripada Universiti Putra Malaysia. Kesemua responden diminta menduduki ujian dalam tempoh 30 minit. Soalan mengandungi 30 perkataan bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Rumi. Pelajar diminta menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Justifikasi pemilihan pelajar jurusan Usuludin dan Falsafah dan bahasa Arab adalah kerana mereka merupakan pengguna tulisan Jawi. Mereka juga telah mempelajari tulisan Jawi dan mempraktikkan tulisan Jawi dalam pembelajaran bahasa Arab dan agama. Terdapat sebilangan daripada mereka telah menjadi guru tulisan Jawi.

Perkataan yang diuji terdiri daripada perkataan asal Bahasa Melayu dan perkataan Arab yang telah diserapkan kedalam Bahasa Melayu. Perkataan tersebut seperti dalam jadual berikut:

**Jadual (1): Perkataan Yang Uji Dalam Ujian Bertulis Tulisan Jawi**

<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Perkataan</b>
1	kam.bi	11	pan.tang	21	a.jak
2	kam.bas	12	pan.tas	22	a.jar
3	kan.dis	13	pan.tis	23	a.lat

71 | *Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi*

4	kan.di	14	pan.tun	24	a.las
5	kan.dung	15	sam.bal	25	ka.pak
6	lan.da	16	sam.bar	26	i.kat
7	lan.dak	17	sam.but	27	ah.ram
8	lan.duk	18	sam.ping	28	ah.wal
9	lan.ding	19	sam.pul	29	i.mam
10	pan.car	20	ram.but	30	i.man

**ANALISIS DATA**

**a) Tahap Penggunaan Vokal Alif dalam Kalangan Pelajar Usuludin dan Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia**

Ujian penggunaan vokal *alif* pada suku kata tertutup dalam tulisan Jawi telah dijalankan ke atas 26 orang pelajar Bachelor Usuluddin dan Falsafah di UKM pada 15/03/2018. Hasil ujian mendapati seramai 18 pelajar (69.23%) mendapat markah baik iaitu 50% ke atas. Daripada jumlah itu, 26 orang pelajar terpilih adalah dari semester 3 dan 4. Manakala bilangan pelajar yang memperoleh markah kurang daripada 40% adalah seramai 2 orang (7.69%). Markah keseluruhan bagi 26 orang responden kajian ini seperti dalam jadual berikut:

**Jadual (2): Perolehan Markah Ujian Pelajar Tahun 2 Semester 3 dan Pelajar Tahun 2 Semester 4**

No. Res.	Markah	100%	No. Res.	Markah	100%	No. Res.	Markah	100%
	30			30			30	
<b>1</b>	16	53.3	<b>11</b>	10	33.3	<b>21</b>	14	46.67
<b>2</b>	14	46.67	<b>12</b>	15	50	<b>22</b>	18	60
<b>3</b>	13	43.3	<b>13</b>	17	56.67	<b>23</b>	12	40
<b>4</b>	15	50	<b>14</b>	16	53.3	<b>24</b>	14	46.67
<b>5</b>	8	16.67	<b>15</b>	17	56.67	<b>25</b>	15	50
<b>6</b>	16	53.3	<b>16</b>	19	63.3	<b>26</b>	19	63.3
<b>7</b>	18	60	<b>17</b>	15	50			
<b>8</b>	17	56.67	<b>18</b>	21	70			
<b>9</b>	19	63.3	<b>19</b>	18	60			
<b>10</b>	15	50	<b>20</b>	13	43.3			

Ujian mendapati bahawa tiada seorang pelajar pun yang memperoleh gred A. Jumlah responden yang memperoleh gred B+, B dan B- adalah seramai 7 orang (26.93%), manakala yang memperoleh gred C+ dan C adalah seramai 11 orang (42.31%). Jumlah pelajar yang mendapat gred C-, D+ dan D adalah seramai 6 orang (23.08%). Jumlah pelajar yang mendapat gred F pula yang dianggap gagal adalah seramai 2 orang (7.69%). Pencapaian pelajar berdasarkan gred dapat dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual (3): Pencapaian Pelajar UKM Berdasarkan Gred**

Markah	Gred	Bil. Res.	%	Tahap
80-100	A	0	0	Cemerlang
75-79	A-	0	0	Sangat Baik
70-74	B+	1	3.85%	Sangat Baik
65-69	B	0	0	Baik
60-64	B-	6	23.08%	Sederhana Baik
55-59	C+	3	11.54%	Memuaskan
50-54	C	8	30.77%	Memuaskan
47-49	C-	3	11.54%	Kurang Memuaskan
44-46	D+	0	0	Lemah
40-43	D	3	11.54%	Sangat Lemah
0-39	F	2	7.69%	Gagal
<b>Total</b>		<b>26</b>	<b>100%</b>	

Note: Markah responden di atas diberi mengikut skema gred Universiti Putra Malaysia (UPM)

**b) Tahap Penggunaan Vokal Alif dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Universiti Putra Malaysia (Bahasa Arab)**

Ujian penggunaan vokal *alif* pada suku kata tertutup dalam tulisan Jawi juga telah dijalankan ke atas 25 orang pelajar Bachelo Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia pada 2/3/2018. Hasil ujian mendapati seramai 18 pelajar (69.23%) mendapat markah baik iaitu 50% ke atas. Daripada jumlah itu, 26 orang pelajar terpilih adalah dari semester 3 dan 4. Manakala bilangan pelajar yang memperoleh markah kurang daripada 40% adalah seramai 2 orang (7.69%). Markah keseluruhan bagi 26 orang responden kajian ini seperti dalam jadual berikut:

**Jadual (4): Perolehan Markah Ujian Pelajar Tahun 1 Semester 2**

No. Res.	Markah 30	100%	No. Res.	Markah 30	100%	No. Res.	Markah 30	100%
1	14	46.67	11	20	66.67	21	15	50
2	14	46.67	12	13	43.33	22	16	53.33
3	13	43.33	13	11	36.67	23	19	63.33
4	19	63.33	14	23	76.67	24	19	63.33
5	14	46.67	15	21	70	25	20	66.67
6	18	60	16	20	66.67			
7	17	56.67	17	19	63.33			
8	18	60	18	19	63.33			
9	16	53.33	19	19	63.33			
10	21	70	20	11	36.67			



73 | *Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi*

Hasul ujian mendapati bahawa pelajar yang memperoleh gred A- adalah seorang (2.86%). Jumlah responden yang memperoleh gred B+, B dan B- adalah seramai 13 orang (52%), manakala yang memperoleh gred C+ dan C adalah seramai 4 orang (16%). Jumlah pelajar yang mendapat gred C-, D+ dan D adalah seramai 5 orang (20%). Jumlah pelajar yang mendapat gred F pula yang dianggap gagal adalah seramai 2 orang (5.71%). Pencapaian pelajar berdasarkan gred dapat dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual (5): Pencapaian Pelajar UPM Berdasarkan Gred**

Markah	Gred	Bil. Res.	%	Tahap
80-100	A	0	0	Cemerlang
75-79	A-	1	2.86%	Sangat Baik
70-74	B+	2	5.71%	Sangat Baik
65-69	B	3	8.57%	Baik
60-64	B-	8	20%	Sederhana Baik
55-59	C+	1	2.86%	Memuaskan
50-54	C	3	8.57%	Memuaskan
47-49	C-	3	8.57%	Kurang Memuaskan
44-46	D+	0	0	Lemah
40-43	D	2	5.71%	Sangat Lemah
0-39	F	2	5.71%	Gagal
<b>Total</b>		<b>25</b>	<b>100%</b>	

Note: Markah responden di atas diberi mengikut skema gred Universiti Putra Malaysia (UPM)

c) **Analisis kesalahan ejaan**

Dalam penggunaan vokal *alif* pada suku kata tertutup seperti *kam.bi*, *kam.bas*, *kan.dis*, *kan.di*, *kan.dung* dan seumpamanya, didapati sebilangan pelajar dapat menulis dalam ejaan Jawi dengan betul berdasarkan sistem ejaan PUEJBM, seperti *کامبي، کانبیس، کاندیس، کاندی*، *کانبی*، *کانبی* dan sebagainya. Terdapat juga pelajar yang memasukkan vokal *alif* pada suku tertutup seperti *لاندی، کانبیس، کامبیس، کامبی* dan sebagainya. Kesalahan pelajar dapat dilihat dalam jadual (6) di bawah:

**Jadual (6): Contoh Kesalahan Ejaan Jawi Oleh Pelajar**

Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah
1	kam.bi	كمبي	كامبي	16	sam.bar	سامبر	سمبار/سمير
2	kam.bas	كمبس	كامبس/كامبا	17	sam.but	سمبوت	سامبوت
			س				
3	kan.dis	كنديس	كانديس	18	sam.ping	سمفنج	سامفنج
4	kan.di	كاندي	كندي	19	sam.pul	سامقول	سامقول/سمقول
5	kan.dung	كاندوڠ	كندوڠ/كندوڠ	20	ram.but	رامبوت	رمبوت
6	lan.da	لندا	لاندا	21	a.jak	اجق	اجاك/اجاق
7	lan.dak	لندق	لنداك/لنداق	22	a.jar	اجر	اجار
8	lan.duk	لندوق	لاندوق/لندوك	23	a.lat	الت	الة/الات
9	lan.ding	لنديڠ	لاندېڠ/لنديڠ	24	a.las	الس	الاس
10	pan.car	ڤانچار	ڤنچار/ڤنجر	25	ka.pak	كافق	كافك/كفاق
11	pan.tang	ڤانتڠ	ڤنتڠ/ڤنتاڠ	26	i.kat	ايكت	اكات/ايكات
12	pan.tas	ڤانتس	ڤنتس/ڤنتاس	27	ah.ram	اهرام	احرام/احرم
13	pan.tis	ڤنتيس	ڤانتيس/ڤنتيث	28	ah.wal	احوال	اهوال/احول
14	pan.tun	ڤنتون	ڤانتون/ڤنتن	29	i.mam	امام	امم/امان
15	sam.bal	سمبل	سمبال/سامبل	30	i.man	ايمان	اييم/ايمان

**Nota:** Ejaan Jawi yang betul dalam jadual (3) berdasarkan buku “*Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*”. Edisi Kedua Cetakan Kedua 2016, Cetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa penggunaan vokal *alif* dalam suku kata pendek tertutup dalam sistem tulisan Jawi (KVK) tidak konsisten dan bercelaru. Terdapat suku kata tertutup (KVK) yang ditambah vokal *alif* seperti كاندي [kan.di], كاندوڠ [kan.dung], سامبر [sam.bar], ڤانچار [pan.car] dan ڤانتس [pan.tas]. Disana terdapat banyak suku kata tertutup yang dibuang vokal *alif* seperti كمبي [kam.bi], كنديس [kan.dis], لنديڠ [lan.ding], لندوق [lan.duk] dan sebagainya. Bagi suku kata tertutup yang berada di akhir perkataan, didapati ramai dari kalangan pelajar melakukan kesalahan dengan memasukkan alif pada suku kata tertutup akhir seperti اجار [a.jar], اجاق [a.jak], كافق [ka.pak]. hal ini menunjukkan bahawa ramai darikalangan pelajar yang mendapat pendidikan agama dan bahasa Arab masih keliru dengan sistem tulisan Jawi.

Bagi setengah perkataan Arab yang diserapkan ke dalam Bahasa Melayu pula, walaupun sebutannya telah berubah dari segi fonetik dan fonologi tetapi masih dikekalkan tulisan dalam Bahasa Arab seperti شرح [sya.rah], شرع [sya.rak], شرط [sya.rat] tapi tidak bagi perkataan شراب [sya.rab]. Hal ini menyebabkan kekeliruan dan menyebabkan pengguna

## 75 | Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi

menulis mengikut kaedah sebutan Melayu seperti شراع، شراح، شراط dan sebagainya.

Jika dilihat pada kesalahan yang dilakukan, seperti لاندوق [lan.duk], لاندیغ [lan.ding], اجار [a.jar], اجاق [a.jak], كفاف [ka.pak] dan sebagainya, didapati bahawa dari aspek sebutan adalah betul. Jika dibandingkan dengan tulisan rumi juga betul. Ini kerana penambahan alif yang selaras dengan bunyi [a] dapat membentuk suku kata tertutup dengan betul.

### d) Pendekatan Fonetik

Dalam konteks suku kata, sesuatu suku kata boleh dibentuk oleh satu vokal (V) sahaja atau satu vokal disertai satu konsonan (VK) atau beberapa konsonan. Konsonan demikian boleh hadir sama ada di hadapan vokal atau di belakangnya atau di hadapan vokal dan di belakangnya secara serentak (Nik Safiah dan lain-lain, 2015: 50). Setiap suku kata bahasa Melayu boleh terdiri daripada satu huruf vokal secara tersendiri (Daftar Kata Bahasa Melayu, 2016: 8). Dalam bahasa Arab, sesuatu suku kata itu mesti terdiri daripada konsonan (*somit*) dan vokal (*harakah*) (Manaf Mahdi, 1998: 120).

Jika dilihat kepada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar seperti كاندی [kan.di], كاندوغ [kan.dung], سامبر [sam.bar], فانچار [pan.car], اجار [a.jar], اجاق [a.jak], كفاف [ka.pak] dan sebagainya, didapati dari segi pembentukan suku kata tertutup yang terdiri daripada konsonan, vokal dan konsonan (KVK) adalah betul. Ini kerana sekiranya konsonan yang tidak diikuti oleh vokal seperti تهن [thn], فغن [pgn], dan فگر [pgr] tidak dapat dibaca dengan tepat tanpa konteks.

Perkataan [ram.but] atau [kam.bas] terdiri daripada dua suku kata tertutup (KVK.KVK), sekiranya ditransliterasi ke dalam ejaan rumi berdasarkan sistem fonetik ia sepatutnya ditulis سامبوت dan كامباس. Ejaan ini lebih sesuai dan mudah dibaca berbanding ejaan sekarang iaitu سمبوت dan كمبس yang mungkin boleh dibaca dengan pelbagai versi tanpa konteks seperti sembut, *simbut*, *sumbut*, *kembas*, *kembis*, *kembus*, *kambas* dan *kimbas*.

Pendekatan fonetik ini lebih mudah kerana ia berdasarkan sebutan dan bukan konteks. Penulisan perkataan tanpa konteks dan jika tidak ditulis mengikut lambang atau simbul yang betul akan membawa kepada kesalahan dalam sebutan. Oleh itu system penulisan yang konsisten dan

## 76 | *Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi*

tersusun berdasarkan kaedah fonetik akan membantu pengguna tulisan jawi menulis dengan betul.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan dapatan kajian serta objektif kajian, dapat disimpulkan bahawa, Pertama, penggunaan vokal *alif* dalam suku kata pendek tertutup dalam sistem tulisan Jawi (KVK) tidak konsisten dan bercelaru serta mempunyai banyak kaedah. Terdapat suku kata tertutup (KVK) yang ditambah vokal *alif* seperti كاندې [kan.di] (KVK.KVK), رامبوت [ram.but] (KVK.KVK), سامبر [sam.bar] (KVK.KVK), فانچار [pan.car] (KVK.KVK) dan فانتنس [pan.tas] (KVK.KVK). Disana terdapat banyak suku kata tertutup yang dibuang vokal *alif* seperti كمبي [kam.bi] (KVK.KV), كنديس [kan.dis] (KVK.KVK), لندڠ [lan.ding] (KVK.KVK), لندوق [lan.duk] (KVK.KVK) dan sebagainya.

Kedua, Kecelaruhan sistem tersebut menyebabkan masalah kepada pengguna tulisan Jawi pada keseluruhannya. Ini termasuklah kepada mereka yang mempunyai latarbelakang pendidikan agama Islam dan Bahasa Arab. Hasil kajian ke atas pelajar Bahasa Arab di UPM dan pelajar jurusan Usulludin, UKM didapati bahawa pelajar yang memperolehi markah baik, sangat baik dan cemerlang (65% - 100%) ialah seramai 13.72%. Jumlah pelajar yang memperolehi markah sederhana baik dan memuaskan (50% - 64%) seramai. Manakala jumlah pelajar yang memperolehi markah kurang memuaskan (0% - 49%) adalah seramai 29.41%.

Ketiga, Dalam menyelesaikan masalah kecelaruhan penggunaan *alif* dalam tulisan Jawi, pendekatan fonetik dan fonologi perlu diambil kira. Vokal *alif* perlu dimasukkan dalam suku kata terbuka yang terdiri daripada konsonan dan Vokal (KV) atau konsonan, volal dan konsonan (KVK) tanpa melihat kepada konsonan yang hadir sebelum vokal sama ada [ب، ي، ق، ك، ج، م، ت، ع، ر، د] atau lain-lain vokal apabila dibentuk suku kata terbuka atau tertutup maka ia perlu diikuti dengan huruf vokal seperti [sa.ya/ ra.ya/ja.ja/ lan.dak/ pan.tas/ sambal] dan seupamanya seperti, سايا/ راياء/ جاجا/ لاندوق/ فانتنس/ سامبار. Ini bagi mengelakkan daripada kekeliruan dan kaedah yang banyak seperti yang terdapat dalam Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).

Perubahan perlu dilakukan seperti kata Za'ab "Bukanlah kita takut akan perubahan itu, kerana jika berubah pun tiada akan apa mudaratnya,

walaupun apa pun huruf yang dipakai jadi kulitnya, isinya bahasa Melayu Juga. Maka huruf Jawi yang kita pakai sekarang ini pun bukannya juga huruf kita sendiri” (2009: xxix). Tambahnya lagi “Maka mana-mana ejaan yang belum tetap, dinyatakan belum tetapnya, tetapi tidaklah diberi ketetapan melainkannya diserahkan kepada perjalanan masa dan kecederungan ramai” (2009: xxxii).

Sekiranya itulah pendirian dan pandangan Za’ba terhadap kaedah ejaan Jawi, maka tidak menjadi masalah kepada pengkaji lain untuk mengemukakan peraturan baru yang dilihat agak baik dan lebih mesra pengguna berdasarkan teori baru dalam memperkasakan tulisan Jawi. Pengguna tulisan Jawi seharusnya berlapang dada dan tidak terlalu taat dengan kaedah yang sedia ada dengan mengatakan bahawa ejaan Jawi sudah mantap. Ejaan bahasa Inggeris juga telah melalui proses yang sama sejak kurun ke enam belas dan beransur-ansur menjadi mantap seperti sekarang ini.

#### **BIBLIOGRAFI**

- Che Siah Che Man. (2014). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi kedua Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Niswa @ Noralina binti Abdullah. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Tempatan. Dlm. Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 4, 145 – 156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Edisi ke-2, cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992.
- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.
- Muhammad, Manaf Mahdi. (1998). *‘Ilm al-aswat al-lughawiyah*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Dlm. Jurnal

**78 | Penggunaan Vokal Alif pada Suku Kata Tertutup (KVK) Dalam Sistem Tulisan Jawi**

- Pendidik dan Pendidikan. Jil.22, 161-167. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD). (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1931). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Singapura: Printes Ltd.
- \_\_\_\_\_. (1931). *Rahsia ejaan Jawi*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- \_\_\_\_\_. (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. Transliterasi Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Ab. Halim Mohamad (Prof. Madya Dr.)*  
*Jabatan Bahasa Asing*  
*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*  
*Universiti Putra Malaysia*  
Email: **abhalim@upm.edu.my**